

## **KEBERKESANAN SILIBUS MODUL KOMUNIKASI BAHASA MELAYU ANTARABANGSA TAHAP ASAS SEBAGAI STRATEGI PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU**

*(The Effectiveness of the Basic Level International Malay Language Communication Module Syllabus as A Malay Learning Strategy)*

DAING ZAIRI MA'AROF\*, MAHARAM MAMAT, NURUL ATIQA MD. SUHADA  
SOFIA AYUP & AMIRUL MUKMININ MOHAMAD

### ABSTRAK

*Proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu kepada pelajar antarabangsa mempunyai teknik dan kaedah yang tersendiri bagi memastikan objektif kursus dicapai. Guru berpengalaman berupaya menerapkan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang sesuai dengan pencapaian pelajar. Salah satu kaedah yang kerap diamalkan dalam pembelajaran bahasa Melayu di UKM adalah melalui penggunaan modul. Kajian ini bertujuan untuk melihat keberkesanan Modul Komunikasi Bahasa Melayu Antarabangsa Tahap Asas dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu kepada pelajar antarabangsa di Universiti Kebangsaan Malaysia. Secara khusus, objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti keberkesanan modul dari segi kandungan, latihan dan aspek kebahasaan berdasarkan tiga topik kajian yang dipilih iaitu sistem nombor, ucapan tegur sapa dan memperkenalkan diri. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif melalui analisis isi kandungan, kajian literatur dan rakaman video pengajaran. Instrumen analisis yang digunakan ialah Modul Komunikasi Bahasa Melayu Antarabangsa dan Proforma Kursus. Hasil kajian mendapati kewujudan modul ini mampu membantu pelajar menguasai bahasa Melayu dan berkesan kepada proses pembelajaran mereka. Walau bagaimanapun, beberapa penambahbaikan perlu dilakukan bagi memantapkan lagi modul ini sebagai alat bantu pelajar untuk belajar bahasa Melayu.*

*Kata Kunci: Keberkesanan silibus bahasa; Modul Komunikasi Bahasa Melayu Antarabangsa; Bahasa melayu tahap asas; Pengajaran pembelajaran bahasa Melayu; Pelajar asing*

### ABSTRACT

*The process of teaching and learning Malay to international students has its own techniques and methods to ensure course objectives are achieved. Experienced teachers are able to apply teaching and learning methods that suit student achievement. One of the methods that is often practiced in learning Malay at UKM is through the use of modules. This study aims to see the effectiveness of the Basic Level International Malay Language Communication Module in the process of teaching and learning Malay to international students at Universiti Kebangsaan Malaysia. Specifically, the objective of this study is to identify the effectiveness of the module in terms of content, training and linguistic aspects based on three selected research topics, namely the number system, greetings and self-introduction. This study uses a qualitative research design through content analysis,*

*literature review and teaching video recordings. The analytical instruments used are the International Malay Language Communication Module and the Course Proforma. The results of the study found that the existence of this module is able to help students master the Malay language and be effective in their learning process. However, some improvements need to be made to strengthen this module as a tool for students to learn Malay.*

*Keywords: Effectiveness of language syllabus; International Malay Language Communication Module; Basic Level Malay Language; Malay Language Learning Teaching; Foreign Students*

## PENGENALAN

Dalam sejarah kajian pembelajaran bahasa, kajian berkenaan strategi pembelajaran bahasa dikatakan sudah bermula sejak tahun 1990-an lagi. Strategi Pembelajaran Bahasa (SPB) merupakan satu bentuk kajian yang meneliti pendekatan digunakan dalam pembelajaran bahasa. Pembelajaran yang dimaksudkan biasanya merangkumi pembelajaran bahasa sebagai bahasa kedua seperti bahasa Inggeris, bahasa Arab, bahasa Jerman dan sebagainya. Walau bagaimanapun, kajian-kajian yang pernah dilakukan sebelum ini lebih memfokuskan kepada strategi pembelajaran bahasa kepada pelajar-pelajar tempatan di peringkat sekolah menengah dan di peringkat pengajian tinggi.

Menurut Fa'izah et. al (2009) dan Siti Saniah et. al (2009), kajian berkaitan dengan SPB Melayu masih kurang dijalankan. Oleh itu, Universiti Kebangsaan Malaysia telah mengambil inisiatif dengan membangunkan modul Komunikasi Bahasa Melayu Antarabangsa sebagai salah satu strategi pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu kepada pelajar antarabangsa yang ingin mempelajari bahasa Melayu. Pembangunan modul dikatakan penting kerana dapat mewujudkan keyakinan kepada guru yang tidak berupaya mengajar strategi-strategi pengajaran kepada pelajar (Kamarul Shukri & Mohamaed Amin 2010).

Modul Komunikasi Bahasa Melayu Antarabangsa ini dibangunkan bertujuan membantu pelajar antarabangsa mempelajari bahasa Melayu Malaysia disamping menjadi salah satu usaha untuk memartabatkan bahasa Melayu diperingkat antarabangsa (Zarina Othman et al. 2017). Modul ni telah direka dengan beberapa susunan silibus mengikut tiga tahap secara teratur iaitu, tahap asas, pertengahan dan lanjutan. Kesemua tahap memiliki kandungan yang tersendiri yang memudahkan pelajar mempelajari bahasa Melayu mengikut susunan bab yang disediakan.

Oleh itu, pengkaji merasakan sudah tiba masanya kajian berkaitan keberkesanan modul dilakukan. Walau bagaimanapun, kajian pengkaji hanya menumpukan analisis terhadap tahap asas sahaja. Kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti pandangan pelajar terhadap modul yang digunakan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu Malaysia. Oleh sebab kajian ini berlangsung ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), dan semua pembelajaran dijalankan secara dalam talian, maka pengkaji akan menyentuh beberapa topik sahaja yang terdapat dalam kandungan modul.

## PERNYATAAN MASALAH

Dalam proses mempelajari bahasa kedua, pastinya seseorang itu akan menghadapi sedikit kesukaran untuk memahami dan menguasai sepenuhnya bahasa tersebut kerana perlu berhadapan dengan banyak perkara baharu. Abkhahorn (2008) menyatakan bahawa terdapat pelbagai faktor

mempengaruhi proses pembelajaran seseorang individu hingga menyebabkan sering kali berlaku perbezaan antara individu untuk menguasai sesuatu bahasa. Ini menyebabkan terdapat kajian-kajian berkaitan Strategi Pembelajaran Bahasa (SPB) seperti dilakukan Chamot (1993) serta Oxford dan Nyikos (1989). Kajian berkaitan SPB dikatakan berupaya mengubah landskap proses pengajaran dan pembelajaran yang lebih sistematik dan berkesan.

Penyelidikan ini dilakukan bertitik tolak daripada beberapa permasalahan yang kerap ditemukan sepanjang terlibat sebagai tenaga pengajar kursus Bahasa Melayu Komunikasi tahap asas yang wajib diikuti oleh pelajar antarabangsa. Ketiadaan satu sumber rujukan secara bertulis yang boleh dijadikan panduan dalam proses pengajaran dan pembelajaran menyukarkan proses tersebut dijalankan secara efektif. Walaupun pelajar boleh mendapatkan maklumat dan nota daripada pelbagai sumber dalam talian, namun, wujud juga beberapa kekangan yang dihadapi untuk mendapatkan sumber tersebut seperti kapasiti data yang tidak mencukupi, gangguan capaian dan lain-lain lagi. Keadaan ini secara tidak langsung menghadkan sumber rujukan dan menyebabkan pelajar tidak dapat menguasai bahasa Melayu secara lebih efektif walaupun kelas dijalankan setiap minggu. Kewujudan modul komunikasi sangat penting dan memberi impak yang besar kepada proses pengajaran dan pembelajaran seseorang individu itu sama ada sebagai pengajar atau pelajar. Keadaan ini menjadi semakin lebih diperlukan apabila melibatkan proses pembelajaran bahasa Melayu oleh pelajar antarabangsa. Oleh sebab mereka bukan penutuf natif, maka mereka amat memerlukan sumber rujukan yang boleh dilihat seperti modul untuk mempelajari bahasa kedua. Rubin (1975) dalam bukunya *The Good Language Learner* telah menjelaskan tentang Strategi Pembelajaran Bahasa (SPB) dengan menyenaraikan tujuh ciri pelajar bahasa yang berjaya, manakala Stern (1983) pula menyenaraikan lima kelompok pembolehubah dalam pembelajaran bahasa kedua, iaitu, konteks sosial, ciri pelajar, suasana pembelajaran, proses pembelajaran dan hasil pembelajaran. Hasil kajian-kajian yang dilakukan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu membuktikan bahawa SPB merupakan faktor penting dalam proses pembelajaran atau pemerolehan bahasa kedua.

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah menjadikan kursus Bahasa Melayu sebagai salah satu syarat keperluan bergraduat kepada pelajar antarabangsa bertepatan dengan Akta Pendidikan 1996 dan Akta Pendidikan Tinggi Swasta 1996. Hal ini juga bertepatan dengan visi UKM iaitu mahu memartabatkan bahasa Melayu ke peringkat antarabangsa. Oleh itu, pengajaran Bahasa Melayu kepada pelajar antarabangsa perlu distruktur mengikut silibus pengajaran yang sesuai. Silibus dalam sesebuah modul sangat berperanan untuk membentuk perkembangan pengetahuan seseorang pelajar. Pengajaran bersandarkan silibus memberi peluang kepada pelajar untuk memahami sesuatu bahasa itu dengan lebih mudah. Pada masa yang sama, pengajar juga akan membentuk proses pengajaran dengan lebih berstruktur dan sistematik. Walau bagaimanapun, pengajaran berasaskan modul bertambah mencabar apabila sesi pengajaran dan pembelajaran dijalankan secara dalam talian sejak Mac 2020 hingga semester 2 sesi akademik 2021/2022 kerana Perintah Kawalan Pergerakan Covid-19 (PKP). Pelbagai cabaran sepanjang pembelajaran dalam talian seperti kekangan masa menyebabkan beberapa silibus yang terdapat dalam modul tidak dapat diajarkan sepenuhnya secara langsung. Tambahan lagi, pembelajaran bahasa Melayu dilihat masih belum dapat dikuasai sepenuhnya oleh pelajar khususnya melibatkan aspek kecekapan berkomunikasi.

Melihat kepada situasi pembelajaran pada masa kini, terdapat banyak faktor yang mempengaruhi kualiti pengajaran bahasa Melayu. Faktor yang dikenal pasti ini mempengaruhi kualiti pengajaran bahasa Melayu dalam bilik darjah. Pencapaian pelajar asing didapati masih berada pada tahap yang lemah dan mereka tidak dapat menguasai Bahasa Melayu dengan baik

(Marzalina 2005; Fa'izah et al. 2009). Oleh sebab itu, guru perlu proaktif untuk mencari solusi dalam mempelbagaikan kaedah dan pendekatan semasa proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) dijalankan.

## OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini adalah untuk mengenal pasti keberkesanan modul Komunikasi Bahasa Melayu Antarabangsa Tahap Asas dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Melayu yang dilaksanakan kepada pelajar antarabangsa di UKM. Keberkesanan modul ini dilihat pada tahap asas sahaja. Secara khusus, objektif kajian ini adalah untuk:

1. Mengetahui pasti keberkesanan kandungan modul sebagai alat bantu kepada pelajar antarabangsa yang belajar bahasa Melayu.
2. Mengetahui pasti keberkesanan latihan modul Komunikasi Bahasa Melayu Antarabangsa Tahap Asas.
3. Mengetahui pasti tahap bahasa yang digunakan dalam modul Komunikasi Bahasa Melayu Antarabangsa Tahap Asas.

## PERSOALAN KAJIAN

Bagi menjawab permasalahan dan objektif kajian, pengkaji membentuk soalan-soalan kajian seperti berikut:

1. Apakah kandungan modul Komunikasi Bahasa Melayu Antarabangsa Tahap Asas mampu membantu pelajar antarabangsa belajar bahasa Melayu?
2. Apakah tahap keberkesanan latihan yang terdapat dalam modul Komunikasi Bahasa Melayu Antarabangsa Tahap Asas?
3. Apakah tahap penggunaan bahasa dalam modul Komunikasi Bahasa Melayu Antarabangsa Tahap Asas?

## METODOLOGI

Kajian ini akan melihat konstruk untuk ketiga-tiga aspek kajian iaitu, keberkesanan isi kandungan modul, kesesuaian jumlah serta kadar kesukaran latihan, dan kesesuaian penggunaan bahasa yang terdapat dalam modul Komunikasi Antarabangsa Bahasa Melayu terbitan KPT (2012). Berdasarkan konstruk-konstruk tersebut, kaedah rakaman video pengajaran dilakukan dalam melihat penguasaan pelajar terhadap pembelajaran bahasa Melayu.

Kajian ini juga menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif melalui reka bentuk analisis isi kandungan. Selaras dengan tujuan penyelidikan yang ingin menilai kesesuaian dan keberkesanan penggunaan modul, reka bentuk ini memberi peluang kepada penyelidik untuk menilai serta meneliti pelbagai aspek dalam modul yang perlu diberi perhatian, sama ada susunan topik atau penggunaan bahasa.

## Instrumen Analisis

Dua instrumen digunakan sebagai fokus analisis, iaitu modul pembelajaran bahasa dan satu proforma kursus.

### Modul Pembelajaran Bahasa

Kajian ini menggunakan Modul Komunikasi Bahasa Melayu Antarabangsa (2017) terbitan Kementerian Pengajian Tinggi dan Penerbit UKM sebagai fokus analisis. Modul ini merupakan bahan bantu pengajaran bagi kursus kemahiran Bahasa Melayu untuk penutur asing seperti kursus LMCM1013 Bahasa Melayu sebagai Bahasa Asing I, LMCM1023 Bahasa Melayu sebagai Bahasa Asing II, LMCM1083 Bahasa Melayu Komunikasi Antarabangsa dan LMCW2193 Bahasa Melayu Komunikasi 2. Modul ini mengandungi arahan untuk pelajar, nota, teks mudah, teks perbualan, latihan, panduan kosa kata dan glosari yang dapat membantu proses pembelajaran bahasa Melayu asas oleh penutur asing. Modul ini mengandungi 10 bab yang dibahagikan kepada 3 bahagian modul, iaitu Tahap Asas, Tahap Pertengahan dan Tahap Lanjutan. Walau bagaimanapun, analisis ini hanya memfokuskan terhadap Bab 1 dan Bab 2 dalam modul Tahap Asas sahaja. Dua bab berserta tiga topik pelajaran tersebut dipaparkan dalam jadual 1 di bawah:

Jadual 1 Bab dan pelajaran yang dikaji

<b>BAB</b>	<b>PELAJARAN</b>
Bab 1 – Bunyi dan Sebutan	Pelajaran 1 – Vokal dan Diftong Pelajaran 2 – Konsonan dan Gugusan Konsonan Pelajaran 3 - Nombor
Bab 2 – Saya, Kawan dan Keluarga	Pelajaran 1 – Diri Saya Pelajaran 2 – Saya dan Kawan Saya Pelajaran 3 – Kawan dan Keluarga

Dua bab pertama dalam modul Tahap Asas ini dipilih kerana kursus-kursus Bahasa Melayu yang sedang dan pernah dikendalikan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada ketika ini lebih bertumpu kepada modul Tahap Asas. Pembelajaran tajuk-tajuk dalam Bab pertama dan Bab dua didominasi oleh penggunaan modul, sementara tajuk lain turut menggunakan sumber nota dan bahan pengajaran luar. Analisis ini dilakukan dalam tiga aspek, iaitu susunan kandungan modul, bentuk dan jenis latihan serta gaya bahasa yang digunakan.

### Proforma Kursus

Bahan kedua yang dianalisis ialah proforma kursus LMCM1083 Bahasa Melayu Komunikasi Antarabangsa. Proforma ini digunakan sebagai penanda aras untuk melihat dan membandingkan kesesuaian serta keselarasan dengan modul berdasarkan tiga aspek kajian tersebut. Pemilihan proforma kursus tersebut dilakukan kerana kursus LMCM1083 ialah kursus kemahiran bahasa Melayu yang ditawarkan kepada penutur asing. Kursus ini juga masih aktif ditawarkan kepada pelajar semasa dan masih menggunakan modul tersebut. Walau bagaimanapun, Kursus LMCM1013 Bahasa Melayu sebagai Bahasa Asing I dan LMCM1023 Bahasa Melayu sebagai Bahasa Asing II sudah tidak aktif lagi, manakala kursus LMCW2193 Bahasa Melayu Komunikasi 2 pula menggunakan nota, latihan dan bahan bantu daripada sumber luar.

## Prosedur Kajian dan Analisis

Kajian dimulakan melalui perbincangan antara pengkaji untuk meneliti bahagian modul yang menjadi fokus kajian serta aspek kajian yang perlu diberi perhatian. Seterusnya, analisis dilakukan terhadap bab dan pelajaran yang dipilih melalui pembacaan dan penelitian berulang kali. Item-item penting bagi setiap aspek diinterpretasi, dianalisis dan dinilai perkataan demi perkataan untuk memastikan pengkaji tidak ketinggalan data yang penting. Item-item ini dibandingkan maklumat dalam proforma kursus seperti Hasil Pembelajaran Kursus (HPK) serta susunan topik pelajaran mingguan untuk menilai sama ada wujudnya keselarasan antara dua instrumen ini atau sebaliknya.

### KAJIAN LEPAS

Mempelajari bahasa kedua dan ke tiga bukanlah mudah. Pelbagai kaedah harus digunapakai bagi menjadikan bahasa kedua itu mudah dipelajari. Cabaran yang dihadapi juga bukan sahaja kepada para pelajar, tetapi turut melibatkan para guru yang melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran. Tugas guru menjadi semakin mencabar kesan daripada perubahan corak hidup dunia yang berada dalam era globalisasi (Ismail Zain 2002). Guru berperanan mewujudkan suasana pembelajaran yang efektif dan menggunakan kaedah pengajaran yang sesuai dan berinovatif bagi menarik minat dan semangat pelajar bagi memenuhi keperluan pembelajaran itu sendiri (Istiqlal 2018; Vita Apriliya, Mohammad Kanzunudin & Imaniar Purbasari 2020).

Keberkesanan sesuatu kaedah yang digunakan dalam kelas adalah saling berkait antara kecekapan guru dan keperluan pelajarannya. Kurikulum kursus yang menarik dan dikendalikan dalam suasana santai yang menyeronokkan adalah kunci utama pembelajaran yang berkesan. Pembelajaran merupakan proses komunikasi yang berlaku antara pengajar dan bahan yang digunakan. Guru yang pakar akan meningkatkan kefahaman mereka terhadap aktiviti di dalam kelas semasa merancang dan mengajar supaya mampu meningkatkan kesediaan belajar muridnya. Proses pembelajaran ini dimudahkan dengan bahan pengajaran yang sesuai (Dewi, Tiara & Rina Yuliana 2018; Norfarahzatul Asikin Zakari, Mohamad Zuber Abd. Majid & Muhammad Hussin 2022). Kajian Mohd Nabil Zulhemay, Nurul Asma Mazlan & Mohamad Hafiz Khairuddin (2022) tentang pelaksanaan pembelajaran berasaskan permainan mendorong potensi dan motivasi pelajar. Walaupun buku teks berkonsepkan peta minda (i-think) ini digunakan dalam pengajaran bahasa Arab di UiTM, namun tenaga pengajar kursus ini melaksanakan dalam kaedah permainan yang menyerlahkan tentang inovasi dan kreativiti teknologi. Kaedah pembelajaran begini juga didapati berupaya mewujudkan proses pembelajaran yang lebih menyeronokkan. Keseronokan belajar dalam suasana santai dan menghiburkan ini memberikan impak positif dalam pembelajaran bahasa yang boleh dilihat melalui peningkatan gred pelajar (Mohd Nabil Zulhemay, Nurul Asma Mazlan & Mohamad Hafiz Khairuddin 2022; Pauline Unjong & Zuraini Seruji 2022).

Strategi dan gaya pembelajaran adalah berbeza bagi setiap pelajar, tetapi seandainya melibatkan kelas, ramai tenaga pengajar memilih gaya dan strategi pengajaran yang sama iaitu pembelajaran berpandukan guru sahaja. Pengkaji Zamri, Kamilah dan Wan Muna Ruzanna (2016) menyatakan bahawa bahawa gaya dan strategi pembelajaran pelajar sangat penting bagi membantu memantapkan lagi keberkesanan pembelajaran. Kemahiran seseorang guru dalam memilih strategi pembelajaran membantu meningkatkan keupayaan pelajar dalam pelajaran mereka. Kaedah pengajaran bermodul merupakan antara kaedah pengajaran terancang dan terpinpin. Pengajaran terancang ialah satu sistem pembelajaran yang menyusun langkah-langkah pembelajaran dan isi kandungan mata pelajaran mengikut urutan tertentu. Langkah-langkah ini kemudiannya

dipecahkan lagi kepada langkah-langkah yang lebih kecil. Seorang murid boleh mengikuti langkah-langkah tersebut mengikut kadar keupayaannya belajar. Pembelajarannya pula dikukuhkan lagi berpandukan maklum balas dari penilaian yang diberikan selepas menyelesaikan setiap langkah tersebut (Asran et al. 2007).

Modul merupakan alat yang digunakan dalam proses pembelajaran. Ia mengandungi pelbagai bentuk bahan, kaedah, batasan, dan cara penilaian yang direka secara sistematik dan menarik untuk mencapai kompetensi mengikut tahap kerumitan tertentu (Riki Saputra 2022). Menurut Rohaizad dan Nor Aizal Akmal (2015) dan Nur Raihana Mohd Razak et al. (2022), pembelajaran menggunakan modul merupakan salah satu kaedah PdPR yang boleh dilaksanakan untuk membantu guru. Bebanan guru didapati lebih ringan apabila sesuatu mata pelajaran mempunyai modul untuk dijadikan sebagai alat bantu (Noor Azean & Komate 2017). Menggunakan modul sebagai kaedah pengajaran juga boleh memudahkan pelajar dalam proses pembelajaran secara konvensional kerana modul dilengkapi dengan arahan belajar sendiri yang disusun mengikut kemampuan pelajar. Penyusunan kandungan sesebuah modul pula memenuhi strategi penyusunan bahan pembelajaran dengan menepati tahap kesukaran dan terdapat perkaitan antara fakta, konsep, prosedur dan prinsip yang terkandung dalam bahan pembelajaran (Santayasa 2009).

Kajian yang dijalankan oleh Mazlina & Razalina (2015) mendapati bahawa penggunaan modul dalam Pengajaran Bahasa Melayu sebagai ibuBahasa Asing kepada Pelajar Negara China merupakan satu kaedah pengajaran bahasa yang berkesan. Menurut Siti Saniah Abu Bakar (2013) dan Mazlina (2014), kebanyakan pelajar antarabangsa yang belajar bahasa Melayu mempamerkan kelemahan dalam empat aspek kemahiran iaitu kemahiran bertutur, membaca, menulis dan mendengar yang menjadi tulang belakang kepada pemerolehan berbahasa pelajar. Kajian Sadiq & Zamir (2014) yang dijalankan pada peringkat pengajian Sarjana di sebuah universiti di Turki menyatakan bahawa pengajaran berasaskan modul merupakan pendekatan yang lebih berkesan untuk mengajar pelajar universiti daripada pelbagai bidang dan subjek serta tahap pendidikan. Selain daripada itu, terdapat juga kajian keberkesanan Modul Belajar-Cara Belajar Bahasa Melayu Komunikasi (MBCB BMK) yang dijalankan oleh Sharala & Zamri (2017) yang menjelaskan bahawa penggunaan modul dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu kepada pelajar warganegara asing mampu membantu dan memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu.

Zulkifli Osman (2013) menerusi kajiannya telah mendapatkan pandangan guru dan pelajar terhadap kebolehlaksanaan dan kebolehgunaan modul Pengajaran Bahasa Melayu berdasarkan pendekatan holistik. Menurutnya, aspek kebolehlaksanaan tersebut meliputi aspek kerelevanan isi kandungan, kebolehcapaian objektif pelajaran, kebolehlaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran dan kemampuan menarik minat pelajar. Proses pembinaan kandungan modul melibatkan 5 proses utama iaitu menentukan tema dan subtema, memilih objektif pelajaran, menentukan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang akan dijalankan, pengisian pelajaran dan menentukan kaedah dan bahan pembelajaran dalam modul yang dibangunkan. Dapatan kajian mendapati bahawa kesemua aspek pengajaran dan pembelajaran telah mendapat komen yang positif daripada guru dan pelajar serta telah meningkatkan motivasi pelajar. Hal ini kerana modul yang dihasilkan dikatakan sesuai serta pelaksanaan kaedah pengajaran yang mudah serta berkesan.

Kajian keberkesanan Modul Belajar-Cara Belajar Bahasa Melayu Komunikasi (MBCB BMK) yang dijalankan oleh Sharala & Zamri (2017) pula mendapati bahawa penggunaan modul dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu kepada pelajar warganegara asing mampu membantu dan memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. Hal ini kerana

dalam proses membangunkan modul bahasa Melayu, tenaga pengajar mengambil kira kebolegunaan dan keberkesanan modul dari aspek antara muka, gambar, teks, kandungan, pendekatan yang digunakan dan hubungan pedagogi dengan teori. Penggunaan modul ini dapat dimanfaatkan oleh tenaga pengajar dan juga pelajar asing yang mempelajari bahasa Melayu komunikasi. Di samping itu juga, penggunaan modul yang bersifat komunikatif dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi berupaya menangani isu kelemahan pelajar-pelajar warganegara asing untuk menguasai bahasa Melayu dalam tempoh masa yang singkat. Kajian Sadiq & Zamir (2014) yang berfokuskan kepada integrasi modul dalam proses pengajaran di peringkat pengajian Sarjana di sebuah universiti di Turki menyatakan bahawa pengajaran berasaskan modul merupakan pendekatan yang lebih berkesan dalam pelbagai bidang, subjek dan tahap pendidikan. Kaedah pengajaran ini berkeupayaan untuk memenuhi keperluan kepelbagaian pembelajaran pelajar pada semua peringkat.

Pendekatan komunikatif dalam pengajaran bahasa digunakan untuk membina kebolehan dan keupayaan berkomunikasi dalam kalangan penutur asing. Menurut Khuzaiton & Thana (2014), pendekatan ini membantu penutur asing menggunakan bahasa Melayu yang sesuai untuk berinteraksi atau berkomunikasi. Bagi memenuhi keperluan ini, pengajaran bahasa akan dirangka mengikut fungsi komunikasi selaras dengan keperluan pelajar atau penutur asing bagi membolehkan mereka bertutur bukan hanya di dalam kelas tetapi juga berupaya berkomunikasi dengan masyarakat sekeliling setiap hari. Perkara ini juga yang diterapkan dalam Modul Komunikasi Bahasa Melayu Antarabangsa (2015) yang sememangnya direka bentuk berdasarkan situasi yang dekat dengan kehidupan seharian pelajar dalam setiap bab modul supaya pelajar dapat mengaplikasikannya dengan mudah. Ia juga dapat membantu dalam proses pemahaman pelajar dengan lebih mudah.

Najwa Mohd Najid (2020) telah mengkaji kesan dan membangunkan modul MICRO-C PRO berdasarkan pendekatan pembelajaran berasaskan masalah terhadap pencapaian, kemahiran penyelesaian masalah, efikasi sendiri dan motivasi intrinsik pelajar di Kolej Vokasional di Malaysia. Kajian ini melibatkan pelajar diploma kursus Teknologi Elektronik semester lima di empat buah kolej vokasional zon utara. Dalam kajian ini, kesan modul diukur menggunakan ujian pencapaian Pengawal Mikro, soal selidik kemahiran penyelesaian masalah, motivasi intrinsik dan efikasi sendiri. Kajian ini mendapati bahawa penggunaan modul MICRO-C PRO telah meningkatkan pencapaian, kemahiran penyelesaian masalah, dan motivasi intrinsik Pelajar, tetapi tidak meningkatkan efikasi sendiri mereka berbanding kaedah pengajaran secara konvensional. Secara keseluruhan, modul MICRO-C PRO boleh dimanfaatkan sebagai rujukan tambahan dalam pengajaran dan memperkayakan bahan bantu bagi kursus ini. Keberkesanan pembinaan dan penggunaan modul dalam meningkatkan keterampilan berbahasa Inggeris juga turut mendapat perhatian Fr. Telesphoro (2014) dengan menasaskan guru-guru pelatih sekolah rendah di Gujarat. Kajian ini mendapati bahawa terdapat peningkatan dalam elemen kemahiran mendengar dan bertutur dalam bahasa Inggeris yang signifikan setelah guru-guru ini menjalani satu program bahasa berasaskan modul kajian.

Sejajar dengan perkembangan semasa dan kemunculan era teknologi 4.0, corak penghasilan modul juga turut mengalami perubahan. Modul pembelajaran terkini perlu dibangunkan dengan menyisipkan fungsinya yang mesra multimedia dan bersifat interaktif. Modul elektronik merupakan satu bentuk pengubahsuaian yang dilakukan terhadap modul konvensional dengan menggabungkan penggunaan teknologi maklumat, supaya modul sedia ada menjadi lebih menarik dan interaktif. Modul ini dibangunkan mengandungi pelbagai kemudahan multimedia (gambar, animasi, audio dan video) memenuhi ciri-cirinya yang lebih kemaskini, sistematik dan



berkemampuan digunakan tanpa bimbingan guru (Riki Saputra 2022). Bentuk modul sebegini membantu pelajar untuk berfikir secara lebih kritis dalam menyelesaikan tugas yang diberikan. Modul multimedia interaktif ini juga dapat meringankan bebanan guru untuk membina Bahan Bantu Mengajar yang bersesuaian dengan objektif pembelajaran (Logambigai Bakthaselvan Muhammad Saiful Haq Hussin & Wong Seng Yue 2022). Modul interaktif dalam talian menggalakkan penglibatan pelajar secara aktif dalam bilik darjah dan berupaya memenuhi keperluan pelajar pelbagai tahap penguasaan semasa pembelajaran, kerana modul boleh diakses di mana-mana sahaja dan pada bila-bila masa (Nurul Ain Malek et. al, 2022; Mohammad Hazmanyazid Haslubis et al. 2022). Kajian-kajian yang dilakukan tentang keberkesanan modul interaktif ini mendapati bahawa penggunaannya impak positif dalam pembelajaran. Pelajar juga didapati belajar dengan suasana yang menyeronokkan, bersemangat dan lebih mudah memahami silibus (Hasnah Mohamed 2016; Lai 2017; Salmah Jan Noor Muhammad 2019; Nurul Ain Malek et al. 2022; Mohammad Hazmanyazid Haslubis et al. 2022).

Bahan pengajaran yang sesuai sangat mempengaruhi dan membantu dalam pembelajaran. Bahan pembelajaran yang tidak sesuai menghilangkan minat belajar kerana tidak ada daya penarik. Ini turut menyebabkan pelajar mudah bosan, hilang fokus, sukar menumpukan perhatian dan suka berangan-angan semasa sesi pembelajaran (Rusmiati 2017). Bersandarkan banyak kajian yang dilakukan berkaitan penggunaan modul dalam pengajaran, jadi kajian ini menganalisis tentang keberkesanan silibus dalam modul komunikasi bahasa melayu antarabangsa yang digunakan kepada pelajar antarabangsa di UKM. Pengajaran Bahasa Melayu bagi pelajar antarabangsa sememangnya penting dari aspek silibus dan kaedah yang digunakan.

## DAPATAN KAJIAN

Bertitik tolak kepada pengkajian pengkaji, modul yang diguna pakai dalam proses pengajaran dan pembelajaran dinamakan sebagai Modul Komunikasi Bahasa Melayu Antarabangsa yang terdiri daripada tiga tahap iaitu Tahap Asas, Tahap Pertengahan dan Tahap Lanjutan. Objektif modul ini adalah untuk menyelaraskan silibus pengajaran dan pembelajaran kepada semua pelajar asing di IPT. Walau bagaimanapun, perbincangan ini akan melihat kepada Tahap Asas sahaja. Oleh sebab negara dilanda pandemik Covid-19, maka semua proses PdP dijalankan secara dalam talian. Oleh itu, guru menjadikan modul sebagai panduan pengajaran dan medium yang digunakan oleh guru ialah Power Point dan lain-lain lagi. Analisis ini melibatkan tiga bahagian iaitu, keberkesanan kandungan modul, latihan dan aspek bahasa.

### Keberkesanan Kandungan Modul Komunikasi BM

Modul Bahasa Melayu Komunikasi Antarabangsa yang telah diterbitkan memperlihatkan tiga tahap iaitu Tahap Asas, Pertengahan dan Lanjutan. Walau bagaimanapun, analisis ini hanya melibatkan bahagian Tahap Asas sahaja. Dalam tahap ini, silibus atau kandungan pengajaran telah disusun mengikut kesesuaian pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu kepada pelajar antarabangsa. Jadual 2 berikut merupakan silibus-silibus yang terdapat dalam modul pada Tahap Asas:

Jadual 2 Kandungan Modul Bahasa Melayu Komunikasi Antarabangsa Tahap Asas

BAB	KANDUNGAN
1	BUNYI DAN SEBUTAN Pelajaran 1 : Vokal dan Diftong Pelajaran 2 : Konsonan dan Gugusan Konsonan Pelajaran 3 : Nombor
2	SAYA, KAWAN DAN KELUARGA Pelajaran 1 : Diri Saya Pelajaran 2 : Saya dan Kawan Saya Pelajaran 3 : Kawan dan Keluarga
3	PERSEKITARAN Pelajaran 1 : Aktiviti Seharian Pelajaran 2 : Tempat Tinggal Saya Pelajaran 3 : Di Kafeteria Pelajaran 4 : Berbelanja

Sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Covid-19 dilaksanakan di Malaysia akibat menular wabak covid di seluruh dunia. Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan keadaan darurat wabak pada 18 Mac 2020 mengakibatkan penangguhan pembelajaran secara bersemuka di semua sekolah dan institusi pendidikan. Proses pembelajaran seterusnya berlangsung secara dalam talian (Munirah Salleh et al. 2021). Situasi tersebut turut mempengaruhi semua proses pembelajaran dan penyelidikan di university, termasuk kajian ini. Memandangkan proses pengajaran dilaksanakan secara dalam talian, maka kajian ini hanya meneliti tiga topik yang menjadi asas kepada pembelajaran bahasa Melayu pelajar antarabangsa iaitu, nombor, memperkenalkan diri dan ucapan tegur sapa. Tajuk berkaitan nombor dipilih kerana tajuk ini sangat penting dan berguna kepada pelajar antarabangsa. Pelajar sentiasa berhadapan dengan angka dalam kehidupan seharian mereka. Hasil dapatan kajian ini mendapati bahawa pelajar sangat tertarik dengan bab ini. Pelajar juga cepat menguasai nombor-nombor asas yang bermula dari nombor satu hingga sepuluh.

Semasa sesi pembelajaran, pengajar telah memberi tempoh masa tertentu kepada pelajar untuk menghafal nombor-nombor asas tersebut, diikuti dengan aktiviti mengulang kembali nombor dilakukan. Hasil yang diperolehi sangat menakjubkan kerana pelajar boleh menghafal semua nombor tersebut dalam masa kurang daripada lima minit. Apabila nombor-nombor asas sudah dikuasai, maka pelajar akan didedahkan pula dengan sistem nombor yang lebih besar iaitu angka belas sehingga angka juta. Pada awalnya, pelajar agak sukar untuk mengikutinya tetapi lama kelamaan, pelajar tertarik dengan sistem nombor yang terdapat dalam bahasa Melayu Malaysia kerana mereka berpendapat bahawa sistem nombor bahasa Melayu di Malaysia hanya perlu diterjemah secara terus daripada bahasa Inggeris sahaja. Disebabkan pelajar sudah menguasai nombor asas, maka mereka merasakan nombor-nombor yang seterusnya tidak menjadi masalah untuk disebut walaupun melibatkan jumlah digit yang banyak.


Topik seterusnya yang dianalisis ialah topik memperkenalkan diri. Dalam topik ini, pengajar turut menggunakan *power point* sebagai nota kepada pelajar. Pengajar telah membekalkan beberapa frasa atau ayat penting yang biasa digunakan apabila seseorang ingin memperkenalkan dirinya. Berikut merupakan antara contoh frasa atau ayat yang terdapat dalam *power point* berkenaan:



Gambar 1 Contoh Ayat Memperkenalkan Diri

Grafik yang menarik juga menjadi sebahagian daripada elemen yang penting dalam pengajaran bahasa Melayu kepada pelajar antarabangsa. Menurut Abdul Rasid Jamian & Hasmah Ismail (2016), suasana pembelajaran yang menyeronokkan menimbulkan suasana yang positif dan seronok di samping merangsang pencapaian pelajar. Suasana ini berjaya dibentuk apabila kursus ini dibatikan dengan tenaga pengajar yang kreatif. Berdasarkan paparan *power point* yang digunakan ini juga, pelajar telah didedahkan tentang dua bentuk bahasa Melayu yang wujud di Malaysia iaitu bahasa formal dan tidak formal. Pengajaran ini sangat penting kepada pelajar kerana mereka akan berhadapan dan berkomunikasi dengan orang tempatan di luar bilik kuliah. Bentuk bahasa yang digunakan semasa berinteraksi dengan orang tempatan adalah berbeza dengan bahasa Melayu yang mereka pelajari secara formal di dalam bilik kuliah. Maka, sedikit sebanyak topik ini dapat membantu pelajar untuk memahami sedikit sebanyak bahasa Melayu tidak formal yang dituturkan oleh orang tempatan.

Dalam apa-apa juga bahasa di dunia ini, ucapan tegur sapa merupakan topik penting yang wajib dipelajari oleh semua orang. Begitu juga dalam pengajaran bahasa Melayu kepada pelajar antarabangsa. Dalam sesi pengajaran dan pembelajaran topik ini, pengajar akan mengemukakan beberapa ucapan tegur sapa yang lazim digunakan masyarakat dalam kehidupan seharian mereka. Sama seperti topik Memperkenalkan Diri, topik ucapan tegur sapa ini juga diajar dengan menggunakan medium *power point*.



Rajah 2 Contoh ayat tegur sapa

Topik ini didapati sangat diminati oleh para pelajar kerana mereka boleh mengguna pakai kemahiran yang diperolehi dalam kursus ini dalam komunikasi seharian. Kemahiran komunikasi sangat diperlukan pelajar antarabangsa apabila berinteraksi dengan pelajar tempatan, pensyarah, pegawai pejabat atau masyarakat tempatan sepanjang mereka berada di negara ini. Ucapan yang paling mudah diingati pelajar ialah ‘terima kasih’, ‘apa khabar’ dan ‘sama-sama’. Walaupun wujudnya sedikit masalah dari segi sebutan khususnya melibatkan pelajar-pelajar dari negara China, namun begitu ia bukanlah menjadi masalah besar kerana apa yang penting ialah kefahaman pelajar dalam mengujarkan ucapan tegur sapa tersebut. Melalui latihan sebutan secara lebih kerap, pelajar akhirnya akan mampu menguasai kemahiran lisan tersebut.

#### Keberkesanan Latihan dalam Modul Komunikasi BM

Sebagai memenuhi keperluan pelajar daripada aspek pengukuhan pembelajaran, modul ini dilengkapi dengan latihan bagi setiap pelajaran di bawah sesebuah bab. Daripada aspek bentuk latihan ini, dua buah bab menjadi fokus kajian untuk analisis yang menampilkan latihan-latihan seperti Jadual 3 berikut:

Jadual 3 Pengkategorian bentuk latihan Modul Komunikasi BM

BAB	PELAJARAN	BENTUK LATIHAN
Bab 1 – Bunyi dan Sebutan	Pelajaran 1 – Vokal dan Diftong	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Latihan sebutan – 6 latihan</li> <li>ii. Latihan Kamus – 2 latihan</li> <li>iii. Latihan dengar dan tulis – 3 latihan</li> <li>iv. Latihan bacaan – 2 latihan</li> </ul>
	Pelajaran 2 – Konsonan dan Gugusan Konsonan	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Latihan sebutan – 2 latihan</li> <li>ii. Latihan dengar dan sebut – 1 latihan</li> <li>iii. Latihan sebut dan tulis – 2 latihan</li> <li>iv. Latihan bacaan – 1 latihan</li> </ul>
	Pelajaran 3 - Nombor	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Latihan menulis                             <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Isi tempat kosong – 4 latihan</li> <li>b. Tukar bentuk – 4 latihan</li> <li>c. Nyatakan nilai – 5 latihan</li> <li>d. Susun huruf – 1 latihan</li> <li>e. Urutan – 1 latihan</li> <li>f. Jawab soalan – 1 latihan</li> <li>g. Terjemahan – 1 latihan</li> </ul> </li> <li>ii. Latihan dengar dan tulis – 2 latihan</li> <li>iii. Latihan baca dan tulis – 1 latihan</li> <li>iv. Latihan lisan dan tulis – 1 latihan</li> </ul>
Bab 2 – Saya, Kawan dan Keluarga	Pelajaran 1 – Diri Saya	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Latihan menulis                             <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Lengkapi perbualan – 1 latihan</li> <li>b. Isi tempat kosong - 2 latihan</li> <li>c. Padanan frasa – 1 latihan</li> <li>d. Susun kata jadi ayat – 1 latihan</li> <li>e. Terjemahan – 1 latihan</li> <li>f. Karangan pendek – 1 latihan</li> </ul> </li> </ul>
	Pelajaran 2 – Saya dan Kawan Saya	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Latihan menulis                             <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Terjemahan – 4 latihan</li> <li>b. Isi tempat kosong – 1 latihan</li> <li>c. Karangan pendek – 4 latihan</li> <li>d. Susun kata jadi ayat – 1 latihan</li> <li>e. Nyatakan isi - 1 latihan</li> </ul> </li> </ul>
	Pelajaran 3 – Kawan dan Keluarga	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Latihan menulis                             <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Lengkapi perbualan – 1 latihan</li> <li>b. Susun kata jadi ayat – 1 latihan</li> <li>c. Isi tempat kosong – 2 latihan</li> <li>d. Karangan perbualan – 2 latihan</li> <li>e. Terjemahan – 2 latihan</li> <li>f. Jawab soalan – 1 latihan</li> <li>g. Karangan pendek – 1 latihan</li> </ul> </li> </ul>

Berdasarkan pengkategorian yang dilakukan, terdapat beberapa persoalan kajian yang perlu dijawab, iaitu:

i. Adakah latihan dalam modul selaras dengan Hasil Pembelajaran Kursus (HPK)?

Bagi persoalan kajian pertama iaitu keselarasan antara latihan dalam modul dengan HPK kursus, perbandingan telah dilakukan antara bentuk latihan modul dengan HPK bagi kursus LMCM1083 Bahasa Melayu Komunikasi Antarabangsa. Berikut ialah HPK bagi kursus tersebut:

Pada akhir kursus ini, pelajar berkebolehan untuk:

1. Menyebut perkataan bahasa Melayu dengan sebutan yang betul,
2. Memberi maklum balas kepada soalan mudah yang diajukan,
3. Memahami makna perkataan bahasa Melayu, dan
4. Menulis ayat pendek dalam bahasa Melayu.

Berdasarkan hasil pembelajaran tersebut, terdapat empat kata kunci utama iaitu menyebut perkataan, memberi maklum balas, memahami makna dan menulis ayat. Bagi HPK 1 yang berfokus kepada sebutan, terdapat sejumlah 10 latihan sebutan yang dizahirkan secara konstruktif melalui Pelajaran 1 dan 2 dalam bab 1 Modul Komunikasi Bahasa Melayu Antarabangsa ini (Modul KBMA). Tiada latihan sebutan bagi Pelajaran 3 bab tersebut mahupun keseluruhan Bab 2. Namun, pada bahagian nota, terdapat teks perbualan dan pernyataan mudah yang boleh dijadikan sebagai bahan untuk latihan sebutan. Selain itu, terdapat juga empat latihan bacaan sebagai mengukuhkan keupayaan pelajar dalam menyebut perkataan bahasa Melayu. Dalam hal ini, peranan guru dan pengajar menggunakan teks dan ayat dalam modul demi memastikan kemahiran sebutan dengan betul dapat dibina dalam kalangan pelajar. Latihan ini amat penting dan menjadi suatu keutamaan dalam kursus ini.

Bagi HPK 2 yang berfokus kepada memberi maklum balas kepada soalan mudah, hanya terdapat satu bentuk latihan yang menjurus kepada aktiviti soal-jawab, iaitu latihan dalam Pelajaran 3 Bab 1 (muka surat 46). Latihan ini merupakan satu bentuk aktiviti lisan, namun begitu, masih terdapat bentuk latihan lain yang berpotensi untuk membina kemahiran memberi maklum balas dalam kalangan pelajar. Pada bahagian ini terdapat dua soalan yang memerlukan pelajar untuk menulis jawapan mereka. Latihan-latihan ini merangkumi soalan latihan dalam Pelajaran 3 Bab 1 dan Pelajaran 3 Bab 2. Walaupun soalan ini dalam bentuk bertulis, pelajar masih perlu memahami soalan dan merangka jawapan yang bersesuaian sebagai maklum balas kepada soalan tersebut.

HPK 3 memfokuskan kepada pemahaman makna perkataan dalam kalangan pelajar. Terdapat 10 latihan berkaitan terjemahan bagi menguatkan hasil pembelajaran kursus ini. Dua latihan berkaitan dengan padanan kata bahasa Melayu dan bahasa Inggeris, sementara lapan latihan lagi merupakan latihan terjemahan secara bertulis. Bentuk terjemahan ini meliputi terjemahan kata, frasa dan ayat yang lengkap. Ia juga turut merangkumi cakupan terjemahan terhadap perkataan dan rangkai kata penting yang perlu diketahui dan diingati pelajar bagi memantapkan kemahiran pelajar dalam topik berkaitan.

HPK 4 pula yang berfokus kepada penulisan ayat pendek. Bagi memenuhi keperluan HPK 4 ini, terdapat sejumlah 11 latihan berkaitan dengan proses penulisan ayat pendek disediakan. Daripada jumlah ini, tiga latihan berbentuk susunan kata yang memerlukan pelajar menyusun sejumlah kata hingga menjadi ayat yang bermakna dan gramatis. Dalam hal ini, pengetahuan tentang struktur ayat dan kosa kata amat perlu untuk memastikan pelajar dapat menjawab latihan tersebut dengan baik. Lapan latihan penulisan lain pula memerlukan pelajar menghasilkan karangan pendek atau teks perbualan. Pelajar akan dibekalkan dengan topik tertentu bagi

memenuhi keperluan tersebut. Dalam konteks ini, pelajar digalakkan untuk menghasilkan penulisan karangan pendek dan mudah dengan penggunaan ayat yang pendek namun betul dan gramatis.

### Keberkesanan Aspek Bahasa dalam Modul Komunikasi BM

Selaku modul yang berperanan sebagai bahan bantu dalam pembelajaran bahasa Melayu untuk penutur asing, Modul KBMA ini seharusnya mempamerkan penggunaan bahasa yang dapat membantu pelajar dan penutur asing untuk memahami isi kandungan dan arahan dalam modul dengan baik. Berdasarkan analisis dan penelitian yang telah dilakukan ke atas aspek bahasa Modul KBMA ini, terdapat beberapa pengkategorian yang telah dikenal pasti.

#### Bentuk ayat dalam modul

Modul ini didapati menggunakan struktur ayat yang berbeza untuk bahagian yang berbeza. Pada bahagian teks contoh dan teks perbualan, struktur ayat selapis yang mudah digunakan seperti 'Khabar baik. Saya dari Iran' (Pelajaran 1 Bab 2) dan 'Mereka sudah bersekolah' (Pelajaran 3 Bab 2). Perkara yang sama dapat dilihat pada bahagian latihan yang turut menggunakan ayat yang lebih mudah. Pada bahagian latihan sebutan yang terdapat dalam Pelajaran 1 Bab 1, terdapat penggunaan ayat mudah seperti 'Saya ada bapa' dan 'Emak saya suka masak'. Pada peringkat awal pembelajaran bahasa, penggunaan ayat yang mudah tetapi gramatis sesuai digunakan bagi membantu pelajar lebih mudah untuk menyebut ayat tersebut. Ayat mudah dan gramatis ini juga membantu mereka untuk mencari makna kata dan seluruh ayat berkenaan. Oleh itu, pelajar didapati lebih mudah memahami dan mengaplikasikan penggunaannya dalam kehidupan seharian.

Pada bahagian arahan pula, bentuk ayat berlapis atau kompleks digunakan. Ayat seumpama ini sering digunakan dalam bentuk arahan seperti terdapat dalam buku atau bahan bercetak yang digunakan oleh pelajar tempatan. Antara contoh ayat arahan tersebut ialah 'Dengar audio dengan teliti dan isi tempat kosong dengan ejaan yang betul' (Pelajaran 1 Bab 1). Struktur ayat yang sama juga digunakan pada bahagian nota tambahan dalam modul tersebut, seperti ayat 'Dalam bahasa Melayu ada beberapa perkataan yang dieja sama tetapi berlainan sebutan dan makna' (Pelajaran 1 Bab 1). Ayat ini boleh ditemui pada bahagian nota tambahan untuk 'Homonim'.

#### Pemilihan perkataan dalam modul

Pemilihan perkataan dalam contoh, teks, perbualan dan latihan modul perlulah relevan dan bersesuaian dengan tahap penguasaan bahasa pelajar. Untuk modul tahap asas, pemilihan perkataan yang penting dan berguna untuk pelajar menjadi keutamaan bagi memastikan mereka sentiasa melihat dan menyebut perkataan tersebut. Dalam modul KBMA, perkataan penting seperti 'pelajar', 'baca', 'buku', 'main', 'hari', 'bapa', 'belajar', 'dengan', 'pergi' dan 'itu' telah diperkenalkan dalam latihan membaca dalam Pelajaran 2 Bab 1.

Kebanyakan perkataan yang digunakan dalam dua bab ini juga menggunakan perkataan yang mempunyai dua hingga tiga suku kata sahaja, seperti 'nombor', 'sekarang', 'esok', 'semalam' dan 'tarikh' (Pelajaran 3 Bab 1). Pelajar dilatih dan dibiasakan menggunakan perkataan dan suku kata mudah bagi melatih mereka untuk membiasakan diri menyebut perkataan yang mudah terlebih dahulu. Modul tahap asas ini juga tidak menggunakan imbuhan perkataan, sebaliknya lebih memilih kata dasar bagi perbuatan 'masak', 'main', 'ikat' dan 'beli' (Pelajaran 1

Bab 1). Penggunaan kata imbuhan ‘memasak’, ‘bermain’, ‘mengikat’ dan ‘membeli’ dalam modul asas dilakukan .

### Modul mesra pembelajaran sendiri

Bahan bantu pembelajaran yang baik ialah bahan yang dapat digunakan semasa proses pembelajaran sendiri. Berdasarkan huraian pada bahagian bentuk ayat dan pemilihan perkataan, modul ini dilihat sebagai bersesuaian untuk penggunaan penutur asing yang ingin belajar bahasa Melayu. Namun begitu, pada bahagian objektif, hasil pembelajaran, pengenalan dan arahan teks, latihan serta aktiviti pelajar didapati terdapat penggunaan ayat yang panjang dan berlapis sifatnya. Oleh demikian, penggunaan ayat terjemahan bahasa Inggeris pada bahagian-bahagian ini dilihat sebagai sesuatu yang relevan demi membantu pelajar memahami kandungan modul tersebut.

Pelajar lebih mudah memahami ayat pendek berbantuan penggunaan kamus atau taipan semula ayat tersebut di ruang terjemahan elektronik berbanding penggunaan ayat yang kompleks dan panjang. Hal ini berbeza sama sekali dengan ayat panjang dan kompleks. Modul ini wujud dalam bentuk bercetak, menyebabkan pelajar melakukan proses terjemahan secara manual. Sekiranya pelajar ingin melakukan terjemahan secara dalam talian, mereka perlu menaip semula ayat berkenaan. Oleh yang demikian, pelajar perlu dibantu sekurang-kurangnya untuk memahami hasil pembelajaran bagi setiap topik dan arahan-arahan yang terdapat dalam modul tersebut.

### KESIMPULAN

Kewujudan modul yang baik dan lengkap dalam proses pengajaran dan pembelajaran merupakan satu bonus kepada guru dan pengajar. Selain daripada berfungsi sebagai nota pelajaran, modul juga mengandungi maklumat tambahan berkenaan pelajaran yang mungkin tidak dapat diperoleh dari sumber lain. Berdasarkan analisis yang dilakukan terhadap Modul Komunikasi Bahasa Melayu Antarabangsa terbitan Kementerian Pengajian Tinggi, didapati bahawa modul ini memperlihatkan susunan isi kandungan dan bentuk latihan yang bersesuaian dengan tahap keupayaan pelajar antarabangsa yang mempelajari bahasa Melayu asas. Isi kandungan modul disusun bersesuaian dengan keperluan bahasa yang perlu dikuasai oleh penutur asing yang ingin mengenali bahasa Melayu pada peringkat asas. Latihan dan kegiatan bermanfaat yang dilaksanakan pada akhir setiap bab juga menjadi pengukuh terhadap penguasaan topik yang dipelajari. Semua latihan ini selaras dengan Hasil Pembelajaran Kursus (HPK) LMCM1083 Bahasa Melayu Komunikasi Antarabangsa.

Namun begitu, penambahbaikan perlu dilakukan dalam konteks penggunaan bahasa dalam modul ini. Penggunaan bahasa Melayu pada bahagian arahan didapati tidak disertakan dengan terjemahan bahasa Inggeris yang dilihat menyukarkan pelajar antarabangsa untuk memahami kehendak modul. Pada peringkat asas, pelajar masih lagi tidak memahami sepenuhnya bahasa Melayu, jadi terjemahan Bahasa Inggeris sangat membantu mereka untuk memahami kehendak modul tersebut. Modul sedia ada juga menyarankan penggunaan modul digunakan bersama guru atau pengajar di dalam kelas, atau bersama individu luar yang memahami bahasa Melayu. Penggunaan modul secara sendirian untuk pembelajaran sendiri adalah kurang digalakkan memandangkan terdapat beberapa konsep pada Bab 2 dan seterusnya yang memerlukan penjelasan, sedangkan hal tersebut tidak terdapat dalam modul. Ini memberi gambaran bahawa berkemungkinan berlaku salah tafsir atau salah faham terhadap kandungan modul sekiranya pelajar menggunakan modul berkenaan secara sendirian. Ini juga menggambarkan bahawa modul



ini memerlukan penilaian semula dari sudut penggunaan gaya bahasa sedia ada. Walaupun begitu, secara keseluruhannya, modul ini masih relevan sebagai bahan bantu mengajar di kelas pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan penutur asing. Panduan daripada guru dan pengajar amat diperlukan agar pelajar dapat memahami kandungan dan penyampaian modul secara sepenuhnya.

## PENGAKUAN

Penulisan ini merupakan sebahagian daripada kajian penyelidikan dalam Geran Galakan Pengurusan & Profesional (GGPP) dengan kod CITRA-2020-004.

## RUJUKAN

- Abdul Rasid Jamian & Hasmah Ismail. 2016. Pelaksanaan pembelajaran menyeronokkan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 3(2): 49-63.
- Abkhakorn, J. 2008. The implications of learner strategies for second or foreign language teaching. *ARECLS* 5: 186-204.
- Asran, H., Mustafa, M. Z., & Idris, M. S. 2007. *Pedagogi Pendidikan* (DBE 1213). Johor: UTHM.
- Chamot, A.U. 1993. Students responses to learning strategy instruction in the foreign language classroom. *Foreign Language Annals* 26: 308-321.
- Dewi, Tiara Kusnia, dan Yuliana Rina. 2018. *Pengembangan Media Pembelajaran Scrapbook Materi Karangan Deskripsi Mata Pelajaran Bahasa Indonesia Kelas III Sekolah Dasar. Jurnal Ilmiah Kependidikan* 9(1):19-25.
- Fa'izah Abd. Manan, Zamri Mahamod & Mohamed Amin Embi. 2009a. Penyelidikan Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Asing dalam Kalangan Pelajar Luar Negara. *Prosiding Seminar Pendidikan Serantau* 4: 259-268.
- Fr. Telesphoro T.F. 2014. Development of Modules For Enhancing English Language Abilities Among The Students Of Primary Teacher Education Programme. An Abstract Submitted To The The Maharaja Sayajirao University of Baroda For The *Degree of Doctor Of Philosophy In Education*. Centre Of Advanced Study In Education Faculty Of Education And Psychology The M.S. University Of Baroda Vadodara April, 2015.
- Hasnah Mohamed. 2016. Meningkatkan kemahiran menulis karangan melalui penggunaan track changes. *Malaysian Journal of Learning and Instruction* 13(1):135-159. <https://doi.org/10.32890/mjli2016.13.1.7>
- Ismail Zain. 2002. *Aplikasi Multimedia dalam Pengajaran*. Kuala Lumpur: Utusan Publications Sdn.Bhd.
- Istiqlal, A. 2018. Manfaat media pembelajaran dalam proses belajar dan mengajar mahasiswa di perguruan tinggi. *Jurnal Kepemimpinan dan Pengurusan Sekolah* 3(2): 139-144.
- Kamarul Shukri & Mohamed Amin Embi. 2010. *Strategi Pembelajaran Bahasa*. Universiti Malaya: Penerbit Kuala Lumpur.
- Khuzaiton Zakaria & Thana Abdullah. 2014. Mengajar Bahasa Melayu kepada Penutur Asing dan Cabarannya: Pengalaman di Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia. *Kertas Kerja Teaching And Learning In The 21st Century: Challenges For Lecturers And Teachers*.

- Lai, L.C. 2017. Pembangunan dan penilaian modul penulisan karangan Bahasa Melayu tingkatan empat. *Tesis Doktor Falsafah*. Universiti Malaya. University of Malaya Student Repository. Retrieved from [http://studentsrepo.um.edu.my/7528/24/lee\\_chung.pdf](http://studentsrepo.um.edu.my/7528/24/lee_chung.pdf).
- Logambigai Bakthaselvan, Muhammad Saiful Haq Hussin & Wong Seng Yue. 2022. Pembangunan Modul Karangan E-Bmku Untuk Kegunaan Murid Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT). *Jurnal Pengajian Melayu – JOMAS* 33(1): 2022: 55-68.
- Marzalina Mansor. 2005. Stail pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing dalam kalangan pelajar luar negara. *Desertasi Sarjana*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Mazlina Baharudin & Razalina Md Radzi. 2015. Pengajaran Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Asing Kepada Pelajar Dari Negara China: Perkongsian Pengalaman di Universiti Sains Malaysia. *Dinamika Ilmu* 1(15): 85-98.
- McGrath, I. 2002. *Materials Evaluation and Design for Language Teaching*. Edinburgh: Edinburgh University Press.
- Mohammad Hazmanyazid Haslubis, Abdelrahman Ibrahim Suleiman Islieh, Wan Ahmad Zakry Wan Kamaruddin, Rossidi Usop, Mohd Zamrus Mohd Ali, Mahiz Spawi, Zulkarnin Zakaria dan Ahmad Fuad Mohamad Amin. 2022. A4STEM: Memperkasa Pendidikan Stem Dan Bahasa Arab Melalui Pembangunan Modul MOOC, *International Journal of Education and Pedagogy (IJEAP)*, 4(2): 33-34.
- Mohd Nabil Zulhemay, Nurul Asma Mazlan & Mohamad Hafiz Khairuddin. 2022. Pembelajaran Bahasa Arab Berasaskan Permainan Melalui Peranti Mudah Alih Games-Based Arabic Learning Through Mobile DeviceS, *Jurnal Pengajian Islam* 15(I): 91-106.
- Munirah Salleh, Mohd Faisal Jamaludin, Noor Syaheeda Mohd Safie & Julia Mohd Yusof. 2021. Tinjauan keberkesanan pembelajaran secara dalam talian ketika pandemik Covid-19: Perspektif pelajar sains kejuruteraan Politeknik Ibrahim Sultan. *Jurnal Dunia Pendidikan* 3(1): 374-384.
- Najwa Mohd Najid. 2020. Kesan Modul Pembelajaran Berasaskan Masalah (MICRO-C PRO) Terhadap Pencapaian Kemahiran Penyelesaian Masalah, Efikasi Kendiri Dan Motivasi Intrinsik Pelajar di Kolej Vokasional. *Tesis Doktor Falsafah*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Norfarahzatul Asikin Zakari, Mohamad Zuber Abd. Majid & Muhammad Hussin. 2022. Keciciran Murid Sekolah di Malaysia: Suatu Pemerhatian Awal, *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 2022, Volume 7, Issue 2: 1-11.
- Noor Azean Atan dan T. Komate Tambai. 2011. Penerimaan Pelajar Terhadap Penggunaan Modul Pembelajaran Kendiri Berasaskan Rekabentuk Teori Beban Kognitif Bagi Subjek Pengaturcaraan Web. *Jurnal Sains dan Matematik*. 1-10.
- Nurul Ain binti Malek, Nurul Syafiqah Yap Abdullah, Mazlina binti Mat Darus & Eko Nursulistiyono. 2022. A Need Analysis for the Development of Physics Game-based Interactive Module in Matriculation College. *EDUCATUM Journal of Science, Mathematics and Technology*, 9: 48-60.
- Nur Raihana Mohad Razak et. Al. 2022. Pembangunan Modul Pembelajaran WAO Bagi Topik Penyerapan Sains Tahun Satu. *Jurnal of Sciences and Mathematics Letters*. Vol. 10 sp 6.2022
- Oxford, R & Nyikos. 1989. Use of language learning strategies: A synthesis of studies with implication for strategy training. *System*, 17 (2): 235-247.

- Pauline Unjong & Zuraini Seruji. 2022. Pelaksanaan Didik Hibur Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Membaca Bahasa Melayu Murid Linus Tahun 3, *Asian People Journal* 2022, VOL 5(1): 22-30.
- Riki Saputra. 2022. Pengembangan Modul Elektronik Pada Mata Pembelajaran Bahasa Inggris Materi Family Tree Sebagai Sumber Belajar Siswa. *Skripsi Gelar Sarjana SI*, Program Studi Pendidikan Guru Madrasah Ibtidaiyah, Universitas Islam Negeri Raden Intan, Lampung.
- Rohaizad dan Nor Aizal Akmal. 2015. Keberkesanan Modul Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam Perkembangan Kecerdasan Emosi Murid-Murid Prasekolah. *Tesis Dr. Fal*, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Rubin, J. 1975. What the 'good language learner' can teach us, *TESOL Quarterly*, 9, 41-51.
- Rusmiati. 2017. Pengaruh Minat Belajar Terhadap Prestasi Belajar Bidang Studi Ekonomi Siswa Siswa Ma Al Fattah Sumbermulyo. *Jurnal Ilmiah Pendidikan dan Ekonomi*. Volume 1. No. 1, Februari 2017: 21-36
- Sadiq, Sadia & Zamir, Shazia. 2014. Effectiveness of Modular Approach in Teaching at University Level. *Journal of Education and Practice*, Vol.5, No.17, 2014: 103-109.
- Salmah Jan Noor Muhammad. 2019. Pembelajaran Fleksibel Berasaskan Massive Open Online Course (MOOC) Suatu Transformasi dalam Pengajian Manuskrip Melayu.
- Santyasa, I Wayan. 2009. Landasan Konsepsual Media Pembelajaran. Makalah Disajikan dalam Workshop Media Pembelajaran bagi Guru-Guru SMA Negeri Banjar Angkan pada tanggal 10 Januari 2007 di Banjar Angkan Klungkung.
- Sharala Subramaniam & Zamri Mahamod. 2017. Pembangunan Modul Belajar-Cara-Belajar Bahasa Melayu Komunikasi. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM*, Vol. 7, Bil. 2 (Nov. 2017): 51-64.
- Siti Saniah Abu Bakar. 2013. Kekangan Pelajar Asing dalam Menggunakan Kemahiran Bertutur Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. Bil 1: 52-62.
- Siti Saniah Abu Bakar & Adenan Ayob. 2013. Persepsi Pensyarah Terhadap Penerimaan Pelajar Asing Dalam Teknik Pengajaran Kemahiran Bertutur Bahasa Melayu, *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM*, Vol. 3, Bil. 2 (Nov. 2013): 31-40.
- Siti Saniah Abu Bakar, Yong Chyn Chye and Chan Tze Haw. 2009. Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Asing. *UPALS ICL 2009 International Conference on Language: Rejuvenating the Passion for teaching and Learning of Languages*, 787-794.
- Stern, H.H. 1983. *Fundamental concept of language teaching*. London: Oxford University Press.
- Vita Apriliya, Mohammad Kanzunudin & Imaniar Purbasari. 2020. Model Pembelajaran STAD berbantuan Media Scrapbook untuk Meningkatkan Hasil Belajar Siswa Sekolah Dasar. *Jurnal Pendiidkan Dasar*. Vol.2 No.1:36-44
- Zamri Mahamod, Kamiliah Ayu Ab. Ghani & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad. 2016. Penggunaan strategi pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan murid Cina berdasarkan sikap dan kemahiran bahasa, *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu; Malay Language Education (MyLEJ)*, 6 (1): 38-51.
- Zarina Othman, Roosfa Hashim & Rusdi Abdullah. 2017. Modul Komunikasi Bahasa Melayu Antarabangsa. Bangi: Penerbit UKM
- Zulkifli Osman. 2013. Kebolehlaksanaan dan Kebolehgunaan Modul Pengajaran Bahasa Berlandasan Pendekatan Holistik. *Jurnal Pendeta*. 4: 202-230. Retrieved from <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/PENDETA/article/view/1172>.

DAING ZAIRI MA'AROF\*  
Pusat Pengajian Citra Universiti  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi, UKM, Selangor. MALAYSIA

MAHARAM MAMAT  
Pusat Pengajian Citra Universiti  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi, UKM, Selangor. MALAYSIA

NURUL ATIQA MD. SUHADA  
Pusat Pengajian Citra Universiti  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi, UKM, Selangor. MALAYSIA

SOFIA AYUP  
Pusat Pengajian Citra Universiti  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi, UKM, Selangor. MALAYSIA

AMIRUL MUKMININ MOHAMAD  
Pusat Pengajian Citra Universiti  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi, UKM, Selangor. MALAYSIA

\*Pengarang untuk surat menyurat: [dzm@ukm.edu.my](mailto:dzm@ukm.edu.my)

Received: 18 August 2022 / Accepted: 6 September 2022 / Published: 9 December 2022